

Headline	Kajian pulih hutan bakau		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	349 cm <sup>2</sup>
Journalist	SUNGAI BESAR	AdValue	RM 5,953
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,859



# Kajian pulih hutan bakau

*Kaedah inovatif wujud struktur geotub, tanaman spesies bakau*

MOHD IZZATUL  
IZUAN TAHIR

SUNGAI BESAR

**H**utan Simpan Kuala Bernam, Pantai Sungai Haji Dorani, di sini, diiktiraf sebagai tapak kajian pemulihan hutan bakau pertama menggunakan kaedah inovatif yang dilaksanakan Januari 2008.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi, Inovasi dan Hal Ehwal Penggunaan, Hee Loy Sian berkata, persiapan kajian bermula Julai 2007 itu diketuai Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).



Xavier Jayakumar dan Loy Sian (kanan) melawat gerai ketika program terbabit di Hutan Simpan Kuala Bernam, Sungai Haji Dorani, semalam.

“Selepas 10 tahun pokok bakau mula membentuk hutan menghala ke laut dan menjadi model serta rujukan untuk pemulihan hutan itu di pesisiran pantai yang berisiko

tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Sambutan Hari Hutan Antarabangsa dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Pe-

ringkat Kebangsaan di Hutan Simpan Kuala Bernam, Sungai Haji Dorani di sini, semalam.

Loy Sian berkata, kaedah inovatif itu ialah mewujudkan

Headline	Kajian pulih hutan bakau		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Oct 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	349 cm <sup>2</sup>
Journalist	SUNGAI BESAR	AdValue	RM 5,953
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,859

***Kawasan ini mempunyai hutan pesisir pantai berlumpur dan sesuai untuk habitat bagi spesies pokok jenis bakau, api-api, lenggadai, perepat dan lain-lain spesies." - Loy Sian***

struktur pemecah ombak 'geotiub' dan tanaman inovatif (spesies bakau).

"Struktur geotiub adalah kaedah kejuruteraan lembut yang dibangunkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi tujuan menstabilkan tanah lumpur sebelum ditanam bakau," katanya.

Beliau memberitahu, Hutan Simpan Kuala Bernam diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) pada 19 Disember 1940 dengan keluasan kira-kira 846.5 hektar dan masih kekal hingga kini.

"Kawasan ini mempunyai hutan pesisir pantai berlumpur dan sesuai untuk habitat bagi spesies pokok

jenis bakau, api-api, lenggadai, perepat dan lain-lain spesies," katanya.

Katanya, kejayaan itu adalah perkongsian kepakaran dari agensi di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Penyelidik Hidraulik Kebangsaan (Nahrim), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) Selangor.

"Model kajian ini juga direkodkan dalam Malaysian Book of Records pada tahun 2011 manakala kaedah tanam inovatif Comp-Mat berjaya dipatenkan pada Disember 2009," katanya.

***Kawasan ini mempunyai hutan pesisir pantai berlumpur dan sesuai untuk habitat bagi spesies pokok jenis bakau, api-api, lenggadai, perepat dan lain-lain spesies." - Loy Sian***